



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN RABU, 5 NOVEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KERANGKA STRATEGIK BAHARU PERKUKUH EKOSISTEM PENJAGAAN NEGARA		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kerangka-strategik-baharu-perkukuh-ekosistem-penjagaan-negara	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/am/jenayah_mahkamah/news.php?id=2486984	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/berita/tempatan/malaysia-lancar-pelan-strategik-ekonomi-penjagaan-2026-2030/	THESUN.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-perkukuh-ekonomi-penjagaan-melalui-pelan-strategik-20262030-nancy-546069	ASTROAWANI.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/04/kpwkm-lancar-pelan-strategik-2026-2030/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2487005	BERNAMA.COM	
	https://lobakmerah.com/kpwkm-perkukuh-4-teras-utama-dari-guaman-ibu-tunggal-hingga-sahabat-psss/	LOBAKMERAH.COM	
	https://www.nst.com.my/amp/news/nation/2025/11/1308245/malaysia-launches-2026-2030-strategic-plan-strengthen-care-economy	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	JKM SIAP SIAGA HADAPI MONSUN		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/jkm-siap-siaga-hadapi-monsun	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2487106	BERNAMA.COM	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/jkm-perhebat-persediaan-hadapi-monsun-timur-laut	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/11/04/jkm-siap-siaga-sepenuhnya-berdepan-monsun-timur-laut	UTUSANBORNEO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	BAYI LELAKI BARU LAHIR DITEMUKAN DI TAPAK BINAAN BERHAMPIRAN SEKOLAH		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1283675/bayi-lelaki-baru-lahir-ditemukan-di-tapak-binaan-berhampiran-sekolah	HMETRO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-lelaki-baru-lahir-ditemukan-di-tapak-pembinaan/	BULETINTV3.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/jumpa-bayi-baru-lahir-lengkap-bertali-pusat-di-banglo-dalam-pembinaan/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2487104	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/berita/tempatan/bayi-baru-lahir-ditemui-dalam-rumah-belum-siap-di-bachok/	THESUN.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/11/04/bayi-ditemui-dalam-rumah-belum-siap-di-bachok	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1283675/bayi-lelaki-baru-lahir-ditemukan-di-tapak-binaan-berhampiran-sekolah	HMETRO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-ditemui-dalam-rumah-belum-siap-di-bachok-546080	ASTROAWANI.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/755323/berita/semasa/bayi-baru-lahir-ditinggalkan-di-bangunan-sedang-dibina	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/04/ingatkan-kucing-rupanya-bayi-ditinggal-di-banglo-dalam-pembinaan/	KOSMO.COM.MY	
	https://suaramerdeka.com.my/bayi-baru-lahir-dibuang-di-tapak-binaan/	SUARAMERDEKA.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/04/baby-boy-found-abandoned-in-uncompleted-house-in-bachok	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	MAYAT WANITA REPUT DITEMUKAN BAWAH PELEPAH KELAPA SAWIT DI BENTONG		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/mayat-wanita-reput-ditemukan-bawah-pelepah-kelapa-sawit-di-bentong/	BULETINTV3.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/mayat-wanita-ditemukan-reput-di-kebun-kelapa-sawit,-bentong	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/04/mayat-wanita-reput-bawah-timbunan-pelepah-sawit/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/755368/berita/semasa/mayat-reput-ditemukan-bawah-pelepah-kelapa-sawit	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/04/polis-sahkan-penemuan-mawat-wanita-reput-di-ladang-kelapa-sawit/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://suaramerdeka.com.my/mayat-wanita-reput-bawah-pelepah-kelapa-sawit-di-telemong/	SUARAMERDEKA.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/04/woman-039s-decomposed-body-found-under-palm-fronds-in-telemong-plantation	THESTAR.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/regional/2025/11/1308381/decomposed-body-woman-found-bentong-oil-palm-plantation	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	AMANG SEKSUAL FIZIKAL: GURU KE PENJARA 10 TAHUN, 6 SEBATAN		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/amang-seksual-fizikal-guru-ke-penjara-10-tahun,-6-sebatan	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/04/guru-sentuh-pelajar-lelaki-dipenjara-10-tahun/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/bekas-guru-dipenjara-10-tahun-enam-sebatan-kes-amang-seksual-remaja-lelaki/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2487019	BERNAMA.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1467440/lakuan-amang-seksual-remaja-lelaki-bekas-guru-dipenjara-10-tahun-kena	BHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.sinarharian.com.my/article/755327/berita/semasa/guru-dipenjara-10-tahun-enam-sebatan-lakukan-amang-seksual-terhadap-pelajar	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/04/laku-amang-seksual-ke-atas-remaja-bekas-guru-disebat-6-kali	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/04/guru-dipenjara-10-tahun-enam-sebatan-lakukan-amang-seksual-terhadap-remaja-lelaki/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1283769/kamu-ambil-kesempatan-atas-kepercayaan-mangsa-dan-ibunya-dengan-melakukan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=zvARRel2Oo8	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	LELAKI 54 TAHUN DITAHAN DISYAKI ROGOL REMAJA		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1283790/lelaki-54-tahun-ditahan-disyaki-rogol-remaja	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/755376/berita/semasa/lelaki-ditahan-disyaki-rogol-remaja-perempuan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-ditahan-kes-rogol-jiran-usia-13-tahun-546124	ASTROAWANI.COM	
	https://www.nst.com.my/news/regional/2025/11/1308418/man-detained-suspicion-raping-13-year-old-girl	NST.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/11/jiran-berusia-54-tahun-rogol-pelajar-tingkatan-satu-ditahan/	UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	PESARA DIDAKWA ROGOL ANAK KANDUNG TIGA KALI SEHARI		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/04/pesara-didakwa-rogol-anak-kandung-tiga-kali-sehari/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/pesara-didakwa-rogol-anak-kandung-tiga-kali-dalam-tempoh-sehari/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.malaysiadateline.com/bapa-didakwa-rogol-anak-gadis-sendiri-3-kali-sehari/	MALAYSIADATELINE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : MALAYSIA UNVEILS STRATEGIV PLAN TO EMPOWER CARE ECONOMY

HARI : RABU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 5 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

National

Malaysia unveils strategic plan to empower care economy

KUALA LUMPUR: The Malaysia Care Strategic Framework and Action Plan 2026-2030 was launched yesterday to ensure an inclusive and sustainable care economy ecosystem that could support the well-being of people across all age groups.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the national roadmap meant to empower a more structured and resilient care system in the country.

She emphasised strong partnerships between the government, private sector and international organisations as being vital to advancing Malaysia's care economy agenda.

"Our strategic partners, including the Australian government, the United Nations Development Programme (UNDP), KidDocare and Asyikin Holdings, play a key role in supporting this initiative.

"This reflects their confidence in Malaysia's capability to lead this initiative at the regional and global levels," she told reporters after officiating at 'The New Frontiers in the Care Economy Conference' (CARECON) and launching the strategic plan here yesterday.

Also present were UN Women regional director Christine Arab; Unicef representative to Malaysia and Brunei Robert Gass; UNDP resident representative to Malaysia, Singapore and Brunei, Edward Vrkcic; and Australian High Commissioner to Malaysia, Danielle Heinecke.

United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP) executive secretary Armida Salsiah Alisjahbana and Asean secretary-general Dr Kao Kim Hourn also delivered their remarks via video



Nancy browses through the pages of the book 'Malaysia Care' after officiating at CARECON 2025 in Kuala Lumpur. The minister is flanked by her deputy Datuk Seri Dr Noraini Ahmad (left) and the ministry's secretary-general Datuk Dr Maziah Che Yusoff. — Bernama photo

message.

Elaborating, Nancy said the strategic plan was built upon five key pillars: strong governance, career pathways, advocacy, strategic collaboration, and the promotion of research, data and technology.

"The plan also highlights the importance of career protection and development for professional caregivers, ensuring better job security and safety, while recognising caregivers not only for the elderly, but also for children and persons with disabilities.

"Without this framework, it would be difficult to implement programmes in an organised and

consistent way. It serves as a guide for all stakeholders to build a professional and protected caregiving workforce.

"We want caregivers to have clear career pathways, job security and confidence to continue serving with professionalism, rather than working without direction or protection," she added.

Nancy said Malaysia would also study international best practices to strengthen the plan, while adapting them to local contexts.

"We can use other countries as benchmarks, but not everything can be adopted due to differences in culture, demographics and

laws.

"We will take what suits us best, while aligning with our values and faith," she said.

Nancy added that her ministry had already begun internal initiatives since last year to train caregivers under its supervision, in line with the government's goal of increasing the number of skilled caregivers to 50,000 by 2030 under the 13th Malaysia Plan.

The three-day CARECON, which concludes tomorrow, is being run in conjunction with the 47th Asean Summit and Related Summits, with participation from over 200 delegates from Asean member states. — Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : NEW FRAMEWORK TO BOOST CARE ECONOMY

HARI : RABU

AKHBAR : THE SUN

TARIKH : 5 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

New framework to boost care economy

BY QIRANA NABILLA
MOHD RASHIDI
newsdesk@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: The value of unpaid care and domestic work in Malaysia could hit a staggering US\$90.4 billion (RM425 billion) – making it the country's second largest economic contributor after manufacturing – yet it continues to be overlooked, said Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri, citing a study by the Institute of Strategic and International Studies Malaysia.

Speaking at the New Frontiers in the Care Economy Conference (Carecon) and the launch of the Malaysia Care Strategic Framework and Action Plan 2026–2030, she said caregiving should no longer be seen as a personal or family duty, but as a shared social and economic responsibility that sustains families, communities and the nation.

"This is a wake-up call – care work is not charity – it is the backbone of

► Minister says sector could be second largest after manufacturing but remains overlooked, calls for urgent recognition of its role in national growth

our economy. Yet, it remains invisible and undervalued. We must reframe care as shared work, where both women and men are recognised and empowered."

Nancy said the framework and action plan are built on five key pillars – strong governance, career pathways, advocacy, strategic collaboration and the promotion of research, data and technology.

"Without this framework, it would be tough for us to move forward in a structured and effective way, as it serves as our guide to developing and implementing programmes for caregivers."

She added that the first pillar,

strong governance, involves reviewing and strengthening existing laws while introducing new ones with proper regulations and infrastructure.

"This is why a whole-of-government approach has been adopted, ensuring that the effort is not led solely by the ministry but also involves other ministries, NGOs and the wider community, whose perspectives and input are crucial."

Nancy emphasised the need for experts and professionals in the field to strengthen the caregiving system, adding that caregivers should not be left without proper support, recognition or protection.

She said those who aspire to join

the profession should feel confident that the system is structured and reliable and offers a recognised, respected and sustainable career path.

"We believe caregiving is not limited to the elderly. It also includes children and anyone in need of care."

"As Malaysia advances towards becoming a more mature nation, the need for a well-structured care system will only continue to grow."

While implementation is still in its early stages, Nancy said it is important to begin before expanding participation, noting that efforts began last year and that this year the ministry has started training its own caregivers to enhance their skills.

"Under the 13th Malaysia Plan, RM50,000 has been allocated for the next five years to support training and development in this sector."

Recognising cases where parents leave their children at hospitals and caregivers continue to care for them, Nancy said this is precisely why the programme was introduced,

describing it as a responsibility entrusted to the ministry to help those in need, especially individuals with no one else to care for them.

She said many working adults are unable to care for their ailing parents, highlighting the need for accessible and well-equipped care facilities.

"Malaysia does not yet have a comprehensive national care system. The current options are mostly private, but we cannot always be sure whether private caregivers have been properly trained or equipped with the necessary skills."

"Even though we already have institutions under the Social Welfare Department, the focus is mostly on individuals with disabilities or those who have been abandoned. The goal is to expand to cover more people."

Nancy added that the framework aims to set an example for other countries, noting that caregiving is a shared global challenge and that Malaysia has received strong support from international partners to take the lead.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA
MADANI

TAJUK : MALAYSIA PERKUKUH EKONOMI PENJAGAAN MELALUI PELAN STRATEGIK 2026-2030: NANCY

HARI : RABU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 5 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Malaysia perkukuh ekonomi penjagaan melalui pelan strategik 2026-2030: Nancy

KUALALUMPUR: Kerangka Strategik dan Pelan Tindakan Ekonomi Penjagaan Malaysia 2026-2030 dilancarkan semalam bagi memastikan ekosistem ekonomi penjagaan yang inklusif dan mampan demi kesejahteraan rakyat di semua peringkat umur.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata pelan hala tuju kebangsaan itu bertujuan memperkasa sistem penjagaan yang lebih tersusun dan berdaya tahan di negara ini.

Beliau berkata kerjasama strategik antara kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan antarabangsa merupakan faktor utama dalam memperkukuh agenda ekonomi penjagaan negara.

"Rakan strategik kami termasuk kerajaan Australia, Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), Kiddicare dan Asyikin Holdings, memainkan peranan penting dalam menjayakan program ini.

"Ia menunjukkan keyakinan mereka terhadap kemampuan Malaysia untuk menerajui inisiatif ini di peringkat serantau dan global," katanya kepada pemberita selepas merasmikan The New Frontiers in the Care Economy Conference (CARECON) dan

pelancaran pelan berkenaan di sini, semalam.

Turut hadir Pengarah Serantau Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi Kesamarataan Jantina dan Pemerkasaan Wanita (UN Women), Christine Arab; Wakil Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) ke Malaysia dan Brunei, Robert Gass; Wakil Tetap Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) ke Malaysia, Singapura dan Brunei, Edward Vrkcic serta Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, Danielle Heinecke.

Setiausaha Eksekutif Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial bagi Asia dan Pasifik (ESCAP) Armida Salsiah Alisjahbana dan Setiausaha Agung ASEAN Dr Kao Kim Hourn turut berucap secara dalam talian.

Nancy berkata pelan strategik itu dibina berasaskan lima tonggak utama iaitu tadbir urus kukuh, laluan kerjaya, advokasi, kolaborasi strategik serta galakan terhadap penyelidikan, data dan teknologi.

Beliau berkata pelan tersebut turut menekankan aspek perlindungan dan pembangunan kerjaya bagi penjaga profesional supaya mereka mempunyai jaminan



TERTARIK: Nancy (dua kiri) melawat reruai pada Program Perasmian The New Frontiers In The Care Economy Conference (CARECON) 2025 di sebuah hotel di Kuala Lumpur semalam. — Gambar Bernama

pekerjaan dan keselamatan lebih baik, selain turut mengiktiraf penjaga bagi warga emas, kanak-kanak serta golongan orang kurang upaya (OKU).

"Tanpa rangka kerja ini, agak sukar untuk kita melaksanakan program secara terancang. Kerangka ini menjadi panduan kepada semua pihak dalam membangunkan tenaga kerja penjagaan atau caregivers yang profesional dan terlindung.

"Kita tidak mahu penjagaini

hanya bekerja tanpa hala tuju atau perlindungan. Kita mahu mereka ada laluan kerjaya yang jelas, keselamatan kerja dan keyakinan diri untuk terus berkhidmat dengan profesional," katanya.

Nancy berkata Malaysia turut mengambil pendekatan 'benchmarking' terhadap amalan terbaik negara lain namun akan menyesuaikan mengikut konteks tempatan.

"Kita boleh menjadikan negara luar sebagai penanda

aras, tetapi tidak semuanya sesuai diserap kerana budaya, demografi dan undang-undang kita berbeza. Kita akan pilih yang sesuai sambil mengambil kira nilai dan panduan agama kita," katanya.

Menjawab pertanyaan mengenai status pelaksanaan pelan itu, Nancy berkata kementerian telah memulakan pelbagai inisiatif dalam masa sebulan lepas bagi melatih penjaga yang berkhidmat di bawah kementerian. — Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerangka strategik baharu perkukuh ekosistem penjagaan negara

Nasional - Dicipta: 04 November 2025 05:26 PM



Foto Bernama

KUALA LUMPUR, 4 November – Kerangka Strategik dan Pelan Tindakan Ekonomi Penjagaan Malaysia 2026–2030 dilancarkan hari ini bagi memastikan ekosistem ekonomi penjagaan yang inklusif dan mampan demi kesejahteraan rakyat di semua peringkat umur.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata, ia menandakan komitmen Malaysia untuk memperkasa ekosistem penjagaan yang mampan dan inklusif, selaras dengan agenda pembangunan sosial negara.

Ia seiring persediaan Malaysia menjadi Negara Tua menjelang tahun 2030.

"Inilah program yang amat diperlukan bukan sahaja oleh Malaysia tetapi juga di peringkat global. Rakan-rakan antarabangsa menyokong kita kerana mereka melihat kemampuan Malaysia untuk menerajui inisiatif ini.

"Yang penting, kita mahu melahirkan lebih ramai penjaga (caregivers) yang berkemahiran, dan kita akan melindungi mereka supaya profesion ini diiktiraf dan dihargai," katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian The New Frontiers in the Care Economy Conference (CARECON) 2025 di sini, hari ini.

Kerangka strategik tersebut memberi tumpuan kepada lima teras utama, merangkumi aspek perundangan dan tatakelola, laluan kerjaya, advokasi kesedaran, kerjasama strategik, serta penyelidikan, teknologi dan data.

"Tanpa panduan ini, sukar untuk kita membangunkan ekosistem penjagaan yang teratur dan mampan. Kita mahu struktur yang jelas supaya penjaga mempunyai jaminan kerjaya dan perlindungan yang sewajarnya," tambah beliau.

Persidangan CARECON 2025 bertemakan "Exploring Models of Sustainable, Inclusive, Responsive and Equitable Care for ASEAN and The Region", menjadi platform penting memperkukuh ekonomi penjagaan di peringkat nasional dan serantau.

"Kita mahu strong governance dengan undang-undang yang kukuh serta peraturan yang jelas. Sebab itu kita gunakan pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation, melibatkan kementerian lain, NGO dan masyarakat. Input semua pihak amat penting untuk memastikan sektor penjagaan ini benar-benar inklusif," katanya.

Kementerian itu telah mula melaksanakan insentif latihan penjaga sejak tahun lalu dan menerusi Rancangan Malaysia Ke-13, pelan ini memperuntukkan tempoh lima tahun bagi melatih seramai 50 ribu penjaga.

"Insya-Allah kita kerjasama dengan rakan-rakan kita daripada negara-negara lain yang membantu dalam usaha ini," jelas beliau.

Pelaksanaan pelan ini dijangka membentuk ekosistem penjagaan negara yang holistik, mampan dan inklusif, sekali gus menjadikan Malaysia hab penjagaan terunggul di rantau ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : JKM SIAP SIAGA SEPENUHNYA BERDEPAN MONSUN TIMUR LAUT

HARI : RABU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 5 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

JKM siap siaga sepenuhnya berdepan Monsun Timur Laut

Oleh Nurin Abdullah

KUALA LUMPUR: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menempatkan semua anggota dan kemudahannya dalam keadaan siap siaga sepenuhnya sebagai persediaan menghadapi kemungkinan berlakunya bencana sepanjang musim Monsun Timur Laut (MTL) 2025/2026 yang lazimnya membawa hujan lebat serta risiko banjir di beberapa negeri.

Sebagai agensi utama yang bertanggungjawab menyelaras pengurusan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan kebajikan mangsa bencana, JKM telah melaksanakan

pelbagai langkah proaktif bagi memperkukuh tahap kesiapsiagaan.

Langkah ini merangkumi penyimpanan stok bekalan keperluan asas seperti makanan, pakaian, tikar, selimut dan barangan bayi di depoh serta stor bencana negeri, selain menyenaraikan dan memantau semua PPS di seluruh negara bagi memastikan ia berada dalam keadaan lengkap serta sedia diaktifkan pada bila-bila masa.

Selain itu, jabatan tersebut turut melaksanakan latihan kesiapsiagaan dan simulasi pengurusan bencana dengan kerjasama agensi penyelamat serta pihak berkuasa tempatan.

Pasukan sukarelawan termasuk SUKARELA dan Skuad Prihatin juga digerakkan bagi memberikan bantuan di lapangan kepada komuniti yang terjejas.

Bagi meningkatkan kecekapan dan kemudahan capaian, JKM telah memperkenalkan aplikasi mudah alih Info Bencana JKM (MyIBJKM), iaitu platform digital rasmi yang dibangunkan bagi memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat berkaitan bencana secara masa nyata.

Melalui aplikasi ini, mangsa bencana boleh mendaftar secara sendiri sebelum, semasa dan selepas bencana, mengemas kini maklumat peribadi serta

ahli keluarga, mencari lokasi PPS berhampiran, dan menguruskan proses daftar masuk serta keluar dari PPS.

Dalam masa yang sama, JKM turut mengingatkan orang awam supaya sentiasa berwaspada terhadap amaran cuaca dan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

Jabatan itu menegaskan komitmennya untuk terus mengutamakan kebajikan mangsa bencana dan memastikan bantuan disalurkan tepat pada waktunya, selaras dengan misinya untuk melindungi golongan rentan dan memperkasa yang lemah.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JKM siap siaga hadapi monsun

Nasional - Dicipta: 04 November 2025 02:28 PM



Barangan keperluan asas untuk penduduk terjejas banjir sudah tersedia /BERNAMA

KUALA LUMPUR, 4 November— Menjelang musim Monsun Timur Laut (MTL) 2025/2026 yang dijangka membawa hujan lebat dan risiko banjir, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memastikan semua persediaan pengurusan bencana berada pada tahap siap siaga.

Antara langkah utama yang dilaksanakan termasuk penyediaan logistik dan bekalan keperluan asas di depoh negeri, pemantauan Pusat Pemindahan Sementara (PPS), serta latihan kesiapsiagaan bersama agensi penyelamat.

JKM turut menggerakkan pasukan sukarelawan SUKARELA dan Skuad Prihatin bagi membantu mangsa di lokasi terjejas.

Bagi memudahkan urusan orang ramai, aplikasi Info Bencana JKM (MyIBJKM) disediakan untuk pendaftaran sendiri mangsa, carian PPS berhampiran serta urusan daftar masuk dan keluar PPS.

Orang awam diingatkan agar peka dengan amaran cuaca serta mematuhi arahan pihak berkuasa.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bayi lelaki baru lahir ditemukan di tapak binaan berhampiran sekolah

Nor Amalina Alias
am@hmetro.com.my



BAYI lelaki yang ditemukan orang awam di sebuah bangunan sedang dalam pembinaan. FOTO Ihsan Pembaca

Bachok: Seorang bayi lelaki cukup sifat dipercayai baru dilahirkan ditemukan penduduk kampung di sebuah bangunan yang masih dalam pembinaan berhampiran Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pak Badol, di sini, hari ini.

Penemuan bayi itu disahkan Ketua Polis Daerah Bachok, Superintendan Mohd Ismail Jamaluddin ketika dihubungi.

Mohd Ismail berkata, Balai Polis Gunong menerima panggilan daripada Klinik Kesihatan Mahligai memaklumkan penemuan bayi itu oleh orang awam jam 8.45 pagi tadi.

Katanya, bayi lelaki itu ditemukan tanpa pakaian dan dibalut menggunakan sehelai kain berwarna hijau di lokasi berkenaan.

"Pemeriksaan awal oleh doktor mendapati bayi berkenaan tidak mengalami sebarang kecederaan fizikal.

"Namun terdapat kesan kemerahan pada bahagian muka disyaki baru dilahirkan," katanya.

Mohd Ismail berkata, bayi itu dibawa ke Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM) untuk rawatan lanjut.

Beliau berkata, siasatan sedang dijalankan bagi mengenal pasti individu yang bertanggungjawab.

Kes diklasifikasikan di bawah Seksyen 317 Kanun Keseksaan.

"Polis menyeru mana-mana individu yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian untuk menghubungi Pegawai Penyiasat Sarjan Nurul Aida Jaafar di talian 014-2714926 atau mana-mana balai polis berhampiran bagi membantu siasatan," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mayat wanita reput ditemukan bawah pelepah kelapa sawit di Bentong

🕒 04 November 2025, 9:26pm



Oleh: Fazli Ahmad

KUANTAN: Mayat seorang wanita dalam keadaan reput ditemukan di bawah timbunan pelepah kelapa sawit di kawasan ladang di Batu 19, Jalan Karak – Kuala Pilah, dekat Telemong, Bentong.

Ketua Polis Pahang Datuk Seri Yahaya Othman, berkata mayat wanita itu ditemui orang awam kira-kira jam 5 petang, semalam.

Menurutnya, sebaik mendapat laporan polis bergegas ke lokasi kejadian.

Katanya, tiada dokumen pengenalan diri wanita itu ditemui di lokasi kejadian dan identiti mangsa belum dikenal pasti.

“Hasil pemeriksaan di sekitar lokasi kejadian, polis turut menemui pelbagai barangan milik mangsa termasuk sehelai seluar sukan berwarna hijau, jam tangan, selipar dan baju sejuk mangsa berwarna hitam,” katanya menerusi kenyataan media, di sini, hari ini.

Yahaya berkata, mayat wanita terbabit dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Afzan, di sini, untuk bedah siasat bagi mengetahui punca kematian.

Orang ramai yang kehilangan ahli keluarga atau mempunyai maklumat mengenai kejadian itu diminta tampil membantu siasatan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Amang seksual fizikal: Guru ke penjara 10 tahun, 6 sebatan

Jenayah - Dicipta: 04 November 2025 06:58 PM



Foto RTM

BESUT, 4 November - Seorang guru dijatuhi hukuman penjara 10 tahun dan enam sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini kerana melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja lelaki.

Hakim Ahmad Fadhli Mahmud menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh, Anuar Yusoff selepas pihak pembelaan gagal menyangkal kes prima facie dikemukakan pihak pendakwaan.

Hakim turut memerintahkan tertuduh menjalani kaunseling sepanjang hukuman dijalankan selain berada bawah pengawasan polis selama dua tahun selepas dibebaskan.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Akmal Mohd Jazlee manakala tertuduh pula diwakili peguam Nik Ismail Nik Lah.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki 54 tahun ditahan disyaki rogol remaja

Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my



Gambar hiasan

Gombak: Polis menahan lelaki berusia 54 tahun kerana didakwa merogol remaja perempuan di Bandar Tasik Puteri, Rawang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Noor Ariffin Mohamad Nasir berkata, pihak Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak menerima laporan berhubung kes rogol membabitkan mangsa berusia 13 tahun jam 8.15 malam kelmarin.

Menurutnya, siasatan awal mendapati pengadu adalah ibu kepada mangsa, seorang wanita berusia 35 tahun.

"Mangsa dipercayai dirogol oleh seorang lelaki dikenali yang juga penduduk di kawasan kejiranan terbabit.

"Susulan itu, Bahagian Siasatan Jenayah IPD Gombak menahan suspek di kawasan Bandar Tasik Puteri kelmarin," katanya dalam kenyataan malam ini.

Beliau berkata, semakan mendapati suspek tidak mempunyai rekod jenayah lampau dan direman seminggu bagi membantu siasatan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan dan orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian diminta menghubungi pegawai penyiasat jenayah IPD Gombak Inspektor Nik Nor Aqeela Nik Abdullah di talian 019-9260203 atau Bilik Gerakan IPD Gombak di talian 03-61262222," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TERTUDUH dibawa keluar selepas didakwa di di Mahkamah Sesyen, di Raub hari ini atas tiga pertuduhan merogol anak kandungnya bulan lalu.

Pesara didakwa rogol anak kandung tiga kali sehari

Oleh NORFARHIZA MOHD ATAR 4 November 2025, 12:44 pm

RAUB – Seorang pesara didakwa di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tiga pertuduhan merogol anak kandungnya yang berusia 35 tahun di rumah mereka di Karak, Bentong, bulan lalu.

Tertuduh berusia 63, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Noor Zaihan Mohamad Ali.

Mengikut kertas pertuduhan, lelaki itu didakwa melakukan perbuatan terkutuk itu terhadap anak perempuannya di sini, antara pukul 10 malam pada 17 Oktober hingga 5 pagi keesokan harinya.

Sumbang mahram tersebut didakwa dilakukan ketika tertuduh tinggal serumah bersama isteri dan mangsa.

Bagi setiap pertuduhan, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376B (1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang 10 tahun dan tidak lebih 30 tahun serta sebatan jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Hakimie Ab Hadi manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Dalam prosiding tertuduh memaklumkan dia hanya bergantung kepada pendapatan pencen bulanan sekitar RM400 dan masih menanggung isterinya.

Noor Zaihan kemudiannya membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM20,000 dengan beberapa syarat tambahan, termasuk tidak boleh menghampiri mangsa dan perlu melaporkan diri di balai polis terdekat setiap bulan.

Mahkamah menetapkan 26 Januari depan sebagai tarikh sebutan semula kes bagi memberi peluang tertuduh melantik peguam bela. – KOSMO! ONLINE